



Sektor perkilangan mula terima vaksin Rabu ini



KHAIRY JAMALUDDIN

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR 14 Jun 2021, 4:29 pm

PUTRAJAYA: Fasa keempat Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) diaktifkan minggu ini dengan keutamaan diberikan kepada sektor perkilangan yang beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 ini.

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin berkata, agihan vaksin kepada sektor industri itu akan diselaraskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Menurutnya, satu pusat pemberian vaksin (PPV) akan dibuka dengan kerjasama MITI manakala program vaksinasi akan bermula pada Rabu ini.

"Fasa kawalan wabak perlu digerakkan secepat mungkin dalam kalangan industri agar kluster tempat kerja dapat dikawal memandangkan berlaku peningkatan kluster membabitkan sektor itu akhir-akhir ini.

"Selepas ini, agihan vaksin akan dibuka kepada sektor industri lain termasuk pembinaan, perladangan, peruncitan dan hospitaliti.

Ia akan digerakkan secara berperingkat-peringkat bagi memastikan setiap sektor akan dapat dilindungi," katanya pada sidang akhbar mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF), hari ini.

Sebelum ini, Khairy berkata, fasa keempat PICK akan membabitkan sektor ekonomi kritikal termasuk yang perlu beroperasi sepanjang PKP.

Antara industri yang akan terbabit dalam fasa itu adalah dari sektor pembuatan, eksport, logistik, pengangkutan, tenaga dan utiliti.

Dalam pada itu, Khairy berkata, ketika ini, enam PPV mega beroperasi bagi menyejatkan fasa dua PICK dengan sasaran 30,000 orang boleh divaksinasi setiap hari.

"Sebuah lagi PPV mega dibuka di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Mines (MIECC) hari ini dengan agihan dos harian dihadkan kepada 4,900 dos," katanya. - UTUSAN ONLINE

BERITA SELANJUTNYA




Rakyat bimbang ancaman Covid-19, kian ramai...



Trouble-free skin with special honey mask!



Sampai bila media perlu tunggu vaksin?



Inilah Cara Menjana Wang dengan Bitcoin



Amang seksual : Rakaman 'live' usahaw...



Fazley Yaakob temui jalan buntu, MITI mohon maaf



Suami bunuh isteri



Ibu mengandung, ibu



Mayat wanita yang mati



POPULAR



Pengusaha catering 'bertarung' teruskan kehidupan harian
15 Jun 2021, 9:27 am



Keunggulan tokoh tafsir OKU

15 Jun 2021, 9:25 am



Hotel, resort ibarat dalam ICU

15 Jun 2021, 9:17 am



Covid-19: China guna dron pantau pergerakan penduduk

15 Jun 2021, 9:15 am





PAYLATER

**Eksklusif promosi
PAYLATER MALL**

- Baucar tunai bernilai **RM100**
- **Hadiah mingguan** untuk dimenangi
- Peraduan **RM10,000** "Shopping Cart"

KLIK DI SINI

*Semak maklumat terperinci dan syarat

Lapan lelaki dikompaun RM2,000, sebuah premis RM10,000

Jemaah haji Malaysia yang selalu dirindui

Taktik licik tauke emas

Spanyol akur gagal jinakkan si keras kepala Sweden

Slovakia menang bergaya, Poland terpaksa gigit jari

Legenda badminton Indonesia Markis Kido meninggal dunia

BERITA BERKAITAN





Pengusaha katering 'bertarung' teruskan kehidupan harian

15 Jun 2021, 9:27 am



Hotel, resort ibarat dalam ICU

15 Jun 2021, 9:17 am



Covid-19: China guna dron pantau pergerakan penduduk

15 Jun 2021, 9:15 am





Buka perniagaan bukan keperluan utama

15 Jun 2021, 9:07 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami